

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

OLEH
NORHAYATI BT MOHAMAD SULAH
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKUTARAI SOCIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

9/3357

1100045468

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

LI 60 FPE 1 2005



1100045468

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Seremban Negeri Sembilan / Norhayati Mohamad Sulan.



PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
60
FPE
1
7005

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN NEGERI SEMBILAN

Oleh:
NORHAYATI BT MOHAMAD SULAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045468

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Norhayati Bt Mohamad Sulan (UK 8539)

mengaku bahawa Laporan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Norhayati Bt Mohamad Sulan

Tarikh: 18/1/05

Disahkan oleh



Penelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

BIODATA DIRI

Nama : Norhayati Bt Mohamad Sulan

No. Matrik : UK 8539

Tahun Pengajian : 3 (semester 5)

Program : Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial

Tempat Pengajian : Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Kelayakan Masuk : Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)

Tarikh Lahir : 06 Januari 1983

Tempat Lat. Industri : Majlis Perbadaran Seremban,
Jalan Yam Tuan,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan.

Unit Penempatan : Jabatan Pentadbiran Dan Personel,

Tempoh Latihan : 21 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005

Alamat : No.117, Rumah Rakyat Pedas,
71400, Pedas,
Negeri Sembilan.

PENGHARGAAN

Asalamualaikum dan salam sejahtera. Syukur kehadrat Ilahi dengan limpah kurnianya, dapat saya menyiapkan tugas ini iaitu Laporan Akhir Latihan Industri ini dengan sempurna selepas menjalani latihan industri selama 12 minggu di Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan.

Disini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia KUSTEM iaitu Prof.Ibrahim Mamat yang memberi tunjuk ajar sepanjang menjalani dan menyiapkan laporan Latihan Industri Ini. Setinggi penghargaan pihak kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang telah membenarkan saya menjalani latihan industri di MPS selama 12 minggu bermula 20 March hingga 12 June 2005. Tidak dilupakan juga kepada Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) kerana telah merencanakan khusus iniy yang telah memberi bayak pengetahuan secara langsung dn tidak langsung untuk menyiapkan tugas ini.

Setinggi penghargaan juga kepada pihak MPS kerana sudi menerima saya menjalani latihan industri di MPS. Penghargaan seterusnya ditujukan kepada Penyelia Latihan Industri Pn.Azura Bt Abu Hassan yang banyak memberi saya tunjuk ajar dalam menjalani LATihan Industri di MPS dan tidak lupa juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan MPS yang ramah dan memberi kerjasama pada saya sepanjang menjalani Latihan Industri.

Akhir sekali, ucapan terima kasih untuk keluarga saya yang telah memberi sokongan moral dan sumber kewangan yang secukupnya untuk saya mengikuti kursus ini dan tidak lupa kepada rakan seperjuangan yang memberi tunjuk ajar kepada saya untuk menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri.

PENGENALAN

Latihan Industri (LI) merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Menerusi LI, pelajar akan ditempatkan di organisasi awam atau swasta dimana pelajar tersebut berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dalam suatu bidang pekerjaan. Di samping itu, pelajar juga berpeluang mempelajari segala aspek pengurusan dan pentadbiran dalam organisasi yang di tempatkan.

OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

Sesuatu program atau aktiviti adalah mempunyai objektifnya yang tersendiri.

Objektif Latihan Industri ialah:

1. Pelajar akan memperolehi pengalaman sebenar alam pekerjaan dalam bentuk latihan yang berkaitan dengan program pengajian yang diikuti.
2. Pelajar dapat mempelajari aspek pengurusan dan pentadbiran organisasi.
3. Pelajar dapat mengaplikasikan bidang pengajian dalam sektor pekerjaan.
4. Pelajar mempunyai kelebihan untuk mendapat pekerjaan setelah bergraduat.
5. Memahami nilai etika profesion masing-masing.
6. Menonjolkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tujuan Latihan Industri selama 12 minggu ini adalah untuk mendedahkan pelatih kepada alam pekerjaan sebenar yang bakal ditempuhi setelah bergraduat. Ia juga dapat mengelakan pelatih canggung apabila memulakan alam pekerjaan apabila selesai bergraduat nanti.

Di samping itu juga ia bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelatih mengaplikasikan teori yang dipelajari di universiti dengan menjalani Latihan Industri. Pelatih juga dapat belajar cara mentadbir dan pengurusan, mengenalp[asti masalah system juga permasalahan yang dapat dilihat dalam organisasi semasa menjalani latihan industri. Di samping itu, pelbagai cadangan dikemukakan untuk menyelesaikan permasalahan yang diutarakan selepas tamat tempoh menjalani Latihan Industri.

Selian itu juga Latihan Industri ini memperlihatkan sejauhmanakah praktik komunikasi pelatih dengan pegawai, pekerja serta pihak pelanggan organisasi di mana pelatih menjalani Latihan Industri.

Organisasi yang dipilih untuk menjalani Latihan Industri oleh pelatih ialah di Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Negeri Sembilan.